UNTUK SIARAN SEGERA

Sime Darby Property Catat Keuntungan 9 Bulan Tertinggi

- Mencatatkan PBT dan PATAMI tertinggi bagi tempoh sembilan bulan, masing-masing sebanyak RM828.2 juta (meningkat 25.7% YoY) dan RM599.7 juta (meningkat 39.4% YoY), didorong oleh sumbangan daripada portfolio Pelaburan & Pengurusan Aset;
- Merekodkan hasil sebanyak RM3.0 bilion, mencerminkan prestasi Syarikat yang berdaya tahan;
- Mencatatkan keuntungan operasi sebanyak RM748.0 juta, meningkat 3.5% YoY, disokong oleh pendapatan berulang yang lebih tinggi, terutamanya daripada aset pusat data dan hartanah pelaburan perindustrian yang telah siap;
- Nisbah penggearan bersih hanya meningkat sedikit kepada 36.9% meskipun Syarikat meneruskan inisiatif pertumbuhan dan pengembangan Aset di Bawah Pengurusan.

ARA DAMANSARA, 26 November 2026 – Sime Darby Property Berhad ("Sime Darby Property" atau "Syarikat") mencatatkan pertumbuhan dua angka yang kukuh dalam keuntungan sebelum cukai ("PBT") dan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti ("PATAMI") bagi tempoh berakhir 30 September 2026 ("9M TK2026"). PBT meningkat 25.7% tahun ke tahun ("YoY") kepada RM828.2 juta, manakala PATAMI meningkat 39.4% YoY kepada RM599.7 juta, didorong oleh sumbangan yang lebih tinggi daripada portfolio Pelaburan & Pengurusan Aset ("IAM"). Sementara itu, Syarikat merekodkan hasil sebanyak RM3.0 bilion dan keuntungan operasi ("OP") sebanyak RM748.0 juta, meningkat 3.5% YoY, disokong oleh pendapatan berulang yang lebih tinggi.

Segmen Pembangunan Hartanah ("PD") kekal sebagai penyumbang terbesar kepada Syarikat, dengan merekodkan hasil sebanyak RM2.7 bilion dan PBT sebanyak RM615.9 juta. Prestasi ini disokong oleh kemajuan pembinaan yang berterusan di perbandaran utama termasuk SJ7, Elmina Business Park, Hamilton Nilai City dan Kuala Lumpur Golf & Country Club ("KLGCC") Resort. Segmen ini turut mendapat manfaat daripada keuntungan nilai saksama sebanyak RM120.4 juta, terutamanya daripada pusat data yang dibina khas untuk disewa di Elmina Business Park serta kilang berkembar di The Cubiz Collection, City of Elmina.

Segmen IAM mencatatkan hasil sebanyak RM221.6 juta, meningkat 63.8% YoY, manakala PBT meningkat lebih dua kali ganda kepada RM213.6 juta. Pertumbuhan segmen ini disokong oleh pendapatan sewaan pusat data, sumbangan daripada portfolio runcit Syarikat,

khususnya KL East Mall dan Elmina Lakeside Mall, serta peningkatan bahagian keuntungan daripada usaha sama, di samping pelupusan Sime Darby Business Centre di Singapura

Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Property, Dato' Seri Azmir Merican berkata, "Pencapaian keuntungan tertinggi bagi tempoh sembilan bulan berasaskan hasil yang kukuh mencerminkan pertumbuhan pendapatan kami yang berterusan, seiring dengan perkembangan aset pendapatan berulang di samping pembangunan teras perbandaran dan perindustrian kami. Menerusi SHIFT32, kami sedang membangunkan portfolio hartanah yang lebih seimbang, yang mampu menjana aliran tunai berdaya tahan merentasi kitaran pasaran, disokong oleh peruntukan modal yang berdisiplin selaras dengan pengembangan perniagaan ke dalam kelas aset dan pasaran serantau yang baharu."

Pelancaran dan Jualan 9M TK2026

Sepanjang tempoh penilaian, pelancaran di Malaysia berjumlah RM3.7 bilion, merangkumi produk perindustrian bernilai RM1.4 bilion (39%), diikuti produk kediaman bertingkat tinggi bernilai RM1.1 bilion (29%), produk kediaman bertanah bernilai RM822.8 juta (22%) dan produk komersial bernilai RM350.3 juta (9%). Komposisi ini mencerminkan tumpuan berterusan Kumpulan terhadap pembangunan perindustrian, disokong oleh saluran pelancaran kediaman dan komersial yang pelbagai. Jumlah tempahan setakat 31 Oktober 2026 ialah RM1.7 bilion.

Antara pelancaran utama pada suku ketiga termasuk Trybe Residences di SJ7, yang merangkumi 998 unit dengan GDV sebanyak RM525.5 juta; Quadria II di Bandar Bukit Raja 2; Seroja Gardens Fasa 1 di Nilai Impian, yang merangkumi 52 unit dengan GDV sebanyak RM41.3 juta; serta 14 unit kilang sesebuah bersaiz sederhana di Elmina Business Park dengan GDV sebanyak RM197.5 juta.

Memacu pengembangan serantau menerusi SHIFT32, Syarikat melancarkan Aurum, pembangunan sulungnya di Melbourne, Australia. Terletak di Queen Street, bertentangan dengan Queen Victoria Market di kawasan pusat perniagaan Melbourne, pembangunan bercampur ini akan merangkumi 595 unit kediaman, 948 katil penginapan pelajar yang dibina khas ("PBSA"), ruang runcit dan pejabat, dengan anggaran GDV kira-kira AUD1.08 bilion (RM3.2 bilion). Pembangunan ini turut menandakan kemasukan Syarikat ke dalam kelas aset PBSA.

Syarikat merekodkan jualan sebanyak RM2.5 bilion bagi tempoh 9M TK2026, dengan produk perindustrian terus menjadi penyumbang terbesar, iaitu RM1.1 bilion (43%). Produk kediaman bertanah menyumbang RM721.3 juta (29%), diikuti produk kediaman bertingkat tinggi sebanyak RM456.3 juta (19%) dan produk komersial sebanyak RM189.9 juta (8%). Prestasi jualan yang lebih rendah berbanding tempoh yang sama tahun lalu sebahagian besarnya disebabkan oleh jadual pelancaran yang lebih tertumpu pada penghujung tahun, dengan pelancaran baharu utama dijangka menyumbang kepada jualan pada suku terakhir TK2026.

Pencapaian Kewangan / Operasi Lain

Setakat 30 September 2026, jualan belum dibil berjumlah RM3.6 bilion, memberikan gambaran terhadap pendapatan dan aliran tunai masa hadapan bagi tempoh melebihi tiga tahun akan datang. Syarikat turut meneruskan penjanaan aliran tunai operasi yang positif sambil mengekalkan peruntukan modal yang berdisiplin dan nisbah penggearan bersih yang sihat sebanyak 36.9%. Kedudukan ini menyokong penyaluran modal Syarikat secara berterusan ke dalam Aset di Bawah Pengurusan ("AUM"), selaras dengan usaha mengembangkan asas pendapatan berulangnya.

Syarikat baru-baru ini diiktiraf sebagai pemaju hartanah nombor satu di Malaysia untuk tahun ketiga berturut-turut oleh *The Edge Malaysia Property Excellence Awards* ("TEPEA") 2026, sekali gus mengukuhkan kedudukan kepimpinannya dalam industri. Syarikat turut menduduki tempat pertama dalam kategori *Market Capitalisation of RM1 billion and Above* bagi *Malaysia Developer Awards 2026*, sekali gus mengekalkan kedudukannya dalam kelompok 10 Terbaik untuk tahun kelima berturut-turut. Jendela Residences di KLGCC Resort turut dinobatkan sebagai *Top Development – High Rise (Completed), Central Malaysia* oleh *EdgeProp Singapore Excellence Awards 2026*.

Perkembangan Korporat Utama

Sepanjang tempoh penilaian, Sime Darby Property NEV (Holdings) Sdn. Bhd. ("SDP NEV"), anak syarikat di bawah dana New Economy Venture ("NEV") Syarikat, telah menubuhkan Program Sukuk sehingga RM2.60 bilion bagi menyokong pembangunan pusat data serta aset perindustrian dan logistik. Penerbitan sulung Sukuk Hijau di bawah program tersebut diperuntukkan bagi pembangunan pusat data hyperskala di Elmina Business Park. Secara berasingan, Syarikat memperoleh kelulusan pemegang saham bagi cadangan pengambilalihan tanah pegangan bebas seluas 556.96 ekar di Kulai, Johor, yang terletak

dalam Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura ("JS-SEZ"). Tanah tersebut akan dibangunkan sebagai sebuah perbandaran mampan dengan anggaran GDV sebanyak RM3 bilion.

Prospek TK2026

Sime Darby Property kekal fokus untuk melaksanakan pelancaran yang dirancang bagi tahun penuh dengan anggaran GDV sebanyak RM5.0 bilion. Di samping memastikan pelaksanaan yang berdisiplin merentasi perbandaran teras dan taman perindustriannya, Syarikat terus mengembangkan asas pendapatan berulangnya bagi mencapai sasaran AUM melebihi RM10.0 bilion menjelang 2028.

"Menjelang suku terakhir tahun ini, keutamaan kami adalah untuk melaksanakan baki pelancaran, meningkatkan jualan serta mengekalkan disiplin kos dalam keadaan pasaran yang terus berubah. Kedudukan kewangan kami yang berdaya tahan, jualan belum dibil yang sihat serta portfolio pendapatan berulang yang terus berkembang menyediakan asas yang teguh untuk pertumbuhan berterusan. Berpandukan SHIFT32, kami akan terus memanfaatkan kelebihan sedia ada bagi mengekalkan momentum dan menjana nilai jangka panjang kepada pemegang saham," akhir kata Dato' Seri Azmir.

-TAMAT SIARAN MEDIA-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Dengan pengalaman melebihi 50 tahun, Sime Darby Property telah berkembang daripada pemaju komuniti terancang yang dipercayai kepada sebuah syarikat hartanah yang berpandangan ke hadapan, membentuk ekosistem yang mampan bagi menyokong cara masyarakat hidup, bekerja dan berkembang maju. Syarikat telah lama menetapkan penanda aras dalam aspek kualiti, inovasi dan kelestarian, menerusi pembangunan kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 28 perbandaran serta projek di seluruh Malaysia.

Perniagaan Syarikat adalah berteraskan dua segmen utama: Pembangunan Hartanah, yang kekal sebagai peneraju pasaran dalam pembangunan perbandaran dan projek bersepadu; serta Pelaburan & Pengurusan Aset, yang memberi tumpuan kepada penciptaan nilai jangka panjang melalui pemilikan dan pengurusan aset secara strategik.

Selaras dengan strategi SHIFT32, Sime Darby Property sedang mempercepatkan peralihan daripada pemaju hartanah konvensional kepada syarikat hartanah yang lebih pelbagai, dengan fokus yang lebih kepada peningkatan aliran pendapatan berulang. Syarikat terus menerajui segmen industri dan logistik melalui pembangunan utama seperti Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja dan Hamilton Nilai City, serta menjadi pemaju hartanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang menubuhkan dana pembangunan dalam sektor ini.

UNTUK SIARAN SEGERA

Sebagai sebuah organisasi yang berperanan sebagai *Force for Good*, Syarikat komited untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050, sejajar dengan *Science Based Targets initiative (SBTi)* untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebagai penyokong kukuh prinsip ESG, Sime Darby Property merupakan konstituen Indeks *MSCI ACWI Small Cap* dengan penarafan *ESG MSCI BBB*, dinilai oleh CDP (*Carbon Disclosure Project*), serta tersenarai dalam Indeks *FTSE4Good* Bursa Malaysia dan *FTSE4Good* Bursa Malaysia Shariah, sekali gus mencerminkan komitmennya terhadap amalan ESG yang baik. Melalui badan dermanwannya, Yayasan Sime Darby, Syarikat terus memberi impak sosial yang bermakna dan berkekalan kepada semua komuniti di bawah seliaannya.

Sime Darby Property telah menerima pelbagai pengiktirafan, termasuk dinobatkan sebagai pemaju hartanah nombor satu Malaysia di *'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards'* oleh The Edge Malaysia bagi tahun 2024, 2025 dan 2026. Antara pencapaian lain termasuk anugerah tertinggi di *The Edge Malaysia Best Managed & Sustainable Property Awards 2025*, kemenangan di *FIABCI World Prix d'Excellence Awards*, *StarProperty Awards*, *Malaysia Developer Awards*, *Putra Brand Awards*, *PropertyGuru Asia Awards Malaysia*, serta tersenarai dalam *Fortune Southeast Asia 500* bagi tahun 2026 untuk tahun ketiga berturut-turut—mencerminkan kepimpinan berterusan Syarikat dalam industri.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com

Kontak Media:

- Hannah Rafee | +6017-878 8090 | hannah.rafee@simedarbyproperty.com
- Hanie Nasir | +6019-725 7015 | hanie.afieqah@simedarbyproperty.com
- Misha Zahraa | +6012-399 0124 | misha.zahraa@simedarbyproperty.com

Untuk pertanyaan lanjut, sila e-mel: group.communications@simedarbyproperty.com